

ALOR STAR, 26 NOV. (BERNAMA)-- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD MENGINGATKAN RAKYAT BAHAWA NIKMAT YANG MEREKA TERIMA HARI INI ADALAH HASIL DARI PERJUANGAN ORANG-ORANG MELAYU DALAM UMNO.

+ KITA AKAN TERUSKAN PERJUANGAN INI AGAR RAKYAT HIDUP BAHAGIA, + KATA PERDANA MENTERI SEMASA BERUCAP MERASMIKAN BANGUNAN UMNO BAHAGIAN ULU MUDA DI PENDANG, KIRA-KIRA 35 KM DARI SENI HARI INI.

BELIAU BERKATA PERJUANGAN UMNO TELAH BANYAK MENDATANGKAN HASIL DAN SALAH SATU CONTOH YANG BAIK IALAH KEJAYAAN MENUBHASKAN PERCUBAAN PENJAJAH MENUBHUKAN MALAYAN UNION DI NEGARA INI.

+ DENGAN HANYA BERSENJATAKAN SEMANGAT PERPADUAN, KITA DAPAT MENGALAHKAN SATU KUASA BESAR SEPERTI BRITISH YANG MAHU MENJADIKAN RAJA-RAJA MELAYU HANYA SEBAGAI KADI, + KATANYA.

RAMAI DI KALANGAN RAKYAT NEGARA INI YANG MASIH BELUM TAHU SEJARAH DAN PERJUANGAN UMNO DAN SEBAB ITU MEREKA HARUS DIINGATKAN, KATA BELIAU.

--LAGI 1810/AN

MAHATHIR-UMNO 2 ALOR STAR

+ INI TIDAK BERERTI KITA MAHU BERBANGGA DENGAN KEJAYAAN TERSEBUT TETAPI YANG PENTING IALAH SUPAYA RAKYAT DAPAT MEMPEROLEHI ILMU DARI SEJARAH, + KATANYA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR, YANG JUGA PRESIDEN UMNO, BERKATA PARTI ITU TIDAK MEMPUNYAI TEMPAT UNTUK ORANG-ORANG YANG BERJUANG UNTUK KEPENTINGAN DIRI KERANA UMNO ADALAH PARTI UNTUK RAKYAT.

DALAM MENERUSKAN PERJUANGANNYA AGAR RAKYAT HIDUP BAHAGIA, UMNO TIDAK AKAN MEREPUT APA JUGA HAK YANG MILIKI OLEH ORANG LAIN.

+ KITA CUMA INGIN BAHAGIAN KITA YANG SETIMPAL DAN YANG MENJADI HAK KITA, + KATANYA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR JUGA MENEGASKAN BAHAWA PERPADUAN DALAM UMNO PERLU DIKEKALKAN UNTUK MENGELAK KEMUNGKINAN NEGARA INI DIJAJAH LAGI SEPERTI DULU.

+MUNGKIN PENJAJAHAN KALI INI TIDAK SEPERTI WAKTU JEPUN, INGGERIS, PORTUGIS, BELANDA ATAU SIAM DULU TETAPI OLEH KUASA-KUASA LAIN MENERUSI EKONOMI, + KATANYA.

OLEH ITU, BELIAU MENYERU LEBIH BANYAK TENAGA MUDA MENGANGGOTAI UMNO KERANA PEMIMPIN-PEMIMPIN DAN AHLI-AHLI YANG ADA SEKARANG

+ SEMAKIN LAMA SEMAKIN TUA +.

MEREKA YANG LAYAK BOLEH MENGAMBIL-ALIH KEPIMPINAN PARTI TETAPI PROSES INI MESTILAH TIDAK MELIBATKAN PEREBUTAN HINGGA ADA PIHAK YANG SANGGUP MENJATUHKAN PIHAK LAIN.

+ UMNO BERJUANG DENGAN JUJUR DAN TIDAK MENGENEPIKAN KEPENTINGAN RAMAI, + KATANYA.

SEBAB ITULAH UMNO YAKIN BAHAWA PEMERINTAHAN CARA DEMOKRATIK DENGAN SISTEM RAJA-RAJA BERPELEMBAGAAN AMAT SESUAI UNTUK NEGARA INI, KATANYA.--LAGI 1830/PA

MAHATHIR-UMNO 4 ALOR STAR

OLEH KERANA UMNO MERUPAKAN TULANG BELAKANG KERAJAAN, IA AKAN MENENTUKAN SIAPA YANG AKAN MEMERINTAH NEGARA INI.

+ KUASA UNDI ADA PADA KITA DAN JIKA KITA PILIH PENIMPIN YANG SALAH, KITA AKAN MENDERITA, + KATANYA.

BAGAIMANAPUN, PERDANA MENTERI MENINGATKAN ORANG-ORANG MELAYU BAHAWA MEREKA TIDAK SEHARUSNYA BERSIKAP ANGIKUH DAN SOMBONG SEMATA-MATA KERANA + KERAJAAN ADALAH HAK KITA +.

INI TIDAK BERAKNA MEREKA BOLEH LEKA DENGAN KEADAAN HINGGA TIDAK SANGGUP TERUS BERUSAHA UNTUK MENGUKuhkan LAGI KEDUDUKAN.

KATANYA PERPECAHAN DI KALANGAN ORANG-ORANG MELAYU AKAN MENYEBABKAN MEREKA AKAN KEHILANGAN KUASA.

BELIAU TIDAK MAHU MELIHAT PERPECAHAN ITU TERUS BERLAKU KERANA PADA MASA INI PUN SUDAH ADA EMPAT PARTI YANG MENAKILI ORANG-ORANG MELAYU.

PARTI-PARTI YANG DIMAKSUDKAN IALAH UMNO, PAS, BERJASA DAN HAMIM.-- BERNAMA 1835/PA.